



SIARAN AKHBAR

TAKLIMAT DAN BENGKEL MELAYU ISLAM BERAJA

*Hari Khamis, 9 Safar 1440 H bersamaan 18 Oktober 2018
Bandar Seri Begawan*

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada hari ini mengadakan Taklimat dan Bengkel Melayu Islam Beraja bagi pegawai-pegawai dan kakitangannya, dan Jabatan-Jabatan di bawahnya. Acara tersebut telah diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Antara tujuan taklimat dan bengkel tersebut diadakan adalah untuk memberi pengetahuan, kefahaman, pengukuhan, penghayatan dan pengamalan tentang Konsep Melayu Islam Beraja dalam kalangan warga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Hadir selaku tetamu kehormat di acara itu ialah Yang Mulia Awang Wardi Bin Awang Haji Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

4 orang penceramah telah diundang bagi menyampaikan taklimat iaitu Yang Mulia Dr Awang Haji Muhammad Hadi Bin Muhammad Melayong, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja yang menyampaikan tajuk *Kewujudan dan Kesenambungan Negara Melayu Islam Beraja*; Yang Mulia Awang Zulhilmi Bin Haji Jaidin, Pensyarah Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam yang menyampaikan tajuk *Konsep Melayu Islam Beraja*; Yang Mulia Pengiran Dr Khairul Rijal Bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Penolong Profesor Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam yang menyampaikan tajuk *Jati Diri Orang Brunei*; dan Yang Mulia Pengiran Dr Hajah Nur-Ashikin Binti Pengiran Haji Petra, Pensyarah Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam yang menyampaikan tajuk *Melayu Islam Beraja dan Wawasan 2035*.



Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa selamat oleh Yang Mulia Pengiran Dr Khairul Rijal Bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Penolong Profesor Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam. Kesemua peserta bengkel juga turut menyanyikan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam, dan diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Awang Wardi Bin Awang Haji Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut membantu sebagai pemudahcara ialah beberapa orang pensyarah daripada Universiti Brunei Darussalam.

Seramai 40 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengikuti taklimat dan bengkel berkenaan bagi sebelah pagi dan petang.

Dengan adanya taklimat dan bengkel yang diadakan ini diharap akan dapat meningkatkan lagi penghayatan dan amalan serta mendalami lagi tentang Konsep Melayu Islam Beraja untuk diterapkan dalam bidang tugas dan kerjaya masing-masing.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Pengurusan dan Kewangan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 18 Oktober 2018